



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 17 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>'Ketika Saya Jawab Isu GISBH, Dia Tiada Dalam Dewan,' – Nancy</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1311596/ketika-saya-jawab-isu-gisbh-dia-tiada-dalam-dewan-nancy</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144855/saya-jawab-tapi-dia-tiada-dalam-dewan-nancy#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gisb-ada-pihak-intai-kanak-kanak-di-pusat-perindungan---nancy-492013</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/dakwaan-kes-gisbh-tangkap-muat-tidak-berasas-nancy/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/gisbh-ada-pihak-sedang-perhati-rumah-perindungan-nancy</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/722826</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1311586/nancy-dakwa-ada-pihak-cuba-mengintai-keberadaan-kanak-kanak</p> <p>https://www.bernama.com/tv/news.php/news.php?id=2352411</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2352345</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/gisbh-ada-pihak-sedang-perhati-rumah-perlindungan-nancy	Berita RTM	
https://www.sinarharian.com.my/article/691318/berita/semasa/gisbh-ada-pihak-intai-kanak-kanak-di-pusat-perlindungan	Sinar Harian	
https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1120653/there-are-individuals-attempting-spy-rescued-gisb-children-says-nancy	NST	
https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/16/visits-to-gisb-linked-children-on-hold-until-they-are-safe-says-nancy	The Star	
https://themalaysiapress.com/op-global-ada-pihak-intai-rumah-perlindungan-nancy-shukri/	The Malaysia Press	
https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/10/16/no-plans-to-allow-parents-to-visit-gisbh-children-says-nancy/	FMT	
https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kanak-kanak-gisbh-ada-orang-intai-rumah-perlindungan/#google_vignette	Utusan	
https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/17/welfare-dept-can-look-after-gisb-kids-with-court-order	The Star	
https://www.buletintv3.my/nasional/gisbh-ada-pihak-mengintai-rumah-perlindungan-kawalan-keselamatan-tinggi-nancy/	Buletin TV3	
https://www.utusan.com.my/terkini/2024/10/kpwkm-tidak-sembarangan-kendali-kes-kanak-kanak-gisbh/	Utusan	
https://www.youtube.com/watch?v=2sRd78sjLCK	Utusan Malaysia	
https://www.kosmo.com.my/2024/10/16/kementerian-tidak-sembarangan-kendali-kes-kanak-kanak-gisbh/	Kosmo	
https://www.youtube.com/watch?v=QaWfW_nxXq8	Bernama TV	

2.	<p>Integrasi Sistem Ebantuanjkm, Ispeks Mudahkan Bayaran Bantuan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/691294/berita/nasional/integrasi-sistem-ebantuanjkm-ispeks-mudahkan-bayaran-bantuan</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2352320</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/ebantuanjkm-and-ispeks-integration-streamlines-aid-distribution-nancy</p> <p>https://www.wilayahku.com.my/ebantuanjkm-ispeks-permudah-proses-bayaran-bantuan-am-negeri/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1120744/welfare-aid-delivery-reform-reduces-misappropriation-ensures-systematic</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/ebantuanjkm-and-ispeks-integration-streamlines-aid-distribution-nancy-PH13142094</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita RTM</p> <p>Wilayah Ku</p> <p>NST</p> <p>The Sun</p>	Neutral
3.	<p>Bulan Kaunseling Kebangsaan: Kpwkm Komited Tingkat Kesedaran Masyarakat</p> <p>https://umno-online.my/2024/10/16/bulan-kaunseling-kebangsaan-kpwkm-komited-tingkat-kesedaran-masyarakat/</p>	<p>Umno Online</p>	Neutral
4.	<p>JKM Lulus Bantuan Bulanan RM950 Buat Keluarga Nur Nasuha</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1311511/jkm-lulus-bantuan-bulanan-rm950-buat-keluarga-nur-nasuha</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/jkm-lulus-bantuan-bulanan-rm950-kepada-keluarga-nur-nasuha-CH13143616</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/jkm-approves-rm950-monthly-aid-for-family-of-nur-nasuha-JH13143947</p>	<p>Berita Harian</p> <p>The Sun</p> <p>The Sun</p>	Neutral

	https://themalaysiapress.com/keluarga-pelajar-cemerlang-miskin-di-bachok-kini-terima-bantuan-jkm-rm950-sebulan/	The Malaysia Press	
5.	<p>Dua Remaja Ditinggal Ibu Bapa, Rumah Kebajikan Mohon Bantu Kesan Waris</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/691439/berita/semasa/dua-remaja-ditinggal-ibu-bapa-jkm-mohon-bantu-kesan-waris</p>	Sinar Harian	Neutral
6.	<p>Tangan Kanak-Kanak Tersepit Mesin Mainan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/691396/berita/semasa/tangan-kanak-kanak-tersepit-mesin-mainan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/16/kanak-kanak-dua-tahun-tersepit-tangan-dalam-mesin-permainan/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/jari-kanak-kanak-tersepit-mesin-permainan-telur/</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2352605</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/bomba-selamatkan-kanak-kanak-tersepit-jari-dalam-mesin-permainan-DH13146603</p> <p>https://suarasarawak.my/kanak-kanak-dua-tahun-kesakitan-tersepit-jari-dalam-mesin-permainan/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Bernama</p> <p>The Sun</p> <p>Suara Sarawak</p>	Neutral
7.	<p>'Balik Dari Johor Selepas Kemoterapi Kanser, Lihat Bahagian Depan Rumah Sudah Roboh, Malamnya Menyembah Bumi...'</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1311593/balik-dari-johor-selepas-kemoterapi-kanser-lihat-bahagian-depan#google_vignette</p>	Berita Harian	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

'KETIKA SAYA JAWAB ISU GISBH, DIA TIADA DALAM DEWAN,' – NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri. - BERNAMA

PUTRAJAYA: PUTRAJAYA: Dakwaan Ahli Parlimen pembangkang kononnya kes GISB Holdings (GISBH) terutama membabitkan kanak-kanak yang diselamatkan adalah bercelaru, tidak berasas sama sekali.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihak berkuasa khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyelamatkan kanak-kanak terbabit mengikut proses dan prosedur ditetapkan.

"Ketika saya jawab (isu GISBH) dia (Ahli Parlimen pembangkang) tiada dalam dewan, kebanyakan mereka ini mendengar daripada media sosial, kita sebagai JKM, mengikut ke mana polis bawa tetapi tumpuan kita adalah kanak-kanak, sebab itu di bawah kumpulan sasar kita dan kalau polis bawa kita ke tempat lain, itu kerja polis, bukan kita.

"Kita hanya bersiap sedia jika membabitkan kanak-kanak, cuma mungkin pihak polis, mereka perlu ke tempat yang mereka tahu memang di bawah GISBH," katanya selepas menghadiri Program Kolaborasi Strategik Bersama Kerajaan Negeri: Reformasi Penyaluran Bantuan Am Negeri di sini, hari ini.

Semalam, Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsudin mendakwa kes GISBH agak bercelaru, seolah-olah dilakukan secara 'tangkap muat'.

Beliau berkata, sejumlah besar kanak-kanak yang diselamatkan, bukan dari rumah kebajikan yang didakwa berlaku kejadian liwat atau penipuan.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, JKM tidak sesuka hati menyerbu mana-mana premis kerana agensi itu bertindak berdasarkan maklumat polis.

Beliau berkata, pihak polis sudah bersedia dan menjalankan siasatan sejak awal lagi.

"Cuma di bawah JKM, kita hanya membabitkan kumpulan kanak-kanak dan kalau ibu bapanya ada di situ (kita lepaskan), sebab ada kes dia hanya menyewa tempat

itu dan kerana kita tiada bukti, betul-betul dia menyewa, dia bukan daripada GISBH, dia dilepaskan polis dan anak dia pun kita kembalikan seperti dikehendaki.

"Kita tidak sembarangan kerana kita tidak mahu memisahkan anak dengan ibu bapa, jadi yang ada bersama kita sekarang, tinggal 560 orang.

"Ada pula yang tanya kenapa 560 orang, kenapa 558 orang? Dua orang lagi bersama dengan ibunya, itu bukti kita tidak mahu memisahkan ibu dengan anak. Kita tidak sembarangan seperti mana yang dituduh," katanya.

Justeru, Nancy menasihatkan orang ramai tidak percaya 100 peratus dengan apa yang diperkatakan di media sosial berkaitan isu kanak-kanak GISBH.

"Saya juga mengikuti (di media sosial) kerana hendak tahu apa yang dikatakan itu padan atau tidak dengan apa yang berlaku, kerana saya turun sendiri, saya tahu apa yang berlaku, cuma saya tidak berkongsi di media sosial kerana rumah perlindungan sepatutnya tempat selamat, orang sepatutnya tidak bercerita sangat," katanya.

INTEGRASI SISTEM EBANTUANJKM, ISPEKS MUDAHKAN BAYARAN BANTUAN

PUTRAJAYA - Kolaborasi strategik antara kerajaan Persekutuan dan negeri menerusi integrasi dua sistem iaitu eBantuanJKM dan iSPEKS (Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri) memudahkan proses pembayaran bantuan kebajikan di 11 negeri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, sistem itu dilaksanakan secara antara muka kedua-dua sistem, tanpa melibatkan intervensi manual, menjadikan proses penyaluran bantuan yang lebih telus, cekap dan berkesan.

"Reformasi dalam penyaluran bantuan am negeri ini berjaya memperkemas sistem pembayaran bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang sebelum ini mengguna pakai kaedah baucar manual. Ia juga dapat mengurangkan risiko penyelewengan dan memudahkan proses pemantauan yang sistematik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Program Kolaborasi Strategik bersama Kerajaan Negeri: Reformasi Penyaluran Bantuan Am Negeri, di sini hari ini.

Nancy berkata, berdasarkan rekod JKM, sehingga Ogos lepas, terdapat 543,008 penerima bantuan JKM di seluruh negara dan daripada jumlah itu, sebanyak 90,559 orang atau 16.7 peratus merupakan penerima bantuan am negeri dan 59,838 orang atau 11 peratus dibayar menerusi iSPEKS.

Menurutnya, eBantuanJKM ialah sistem dalam talian dengan pangkalan data penerima bantuan yang diwujudkan bagi memudahkan proses pengurusan bantuan,

pemantauan serta pengumpulan statistik di peringkat JKM manakala iSPEKS dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Beliau berkata, penambahbaikan sistem itu selari dengan hala tuju kerajaan agar penyampaian perkhidmatan sektor awam diberi satu anjakan islah atau penambahbaikan berterusan.

Selain itu, katanya integrasi sistem itu merupakan langkah reformasi perkhidmatan awam bagi memastikan kaedah penyaluran bantuan yang telus, pantas dan berintegriti kepada kumpulan sasaran.

Beliau berkata, inisiatif itu akan turut diperluas ke Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. - Bernama

BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN: KPWKM KOMITED TINGKAT KESEDARAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 16 Okt – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keperluan perkhidmatan kaunseling profesional.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, Bulan Kaunseling Kebangsaan diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada peranan kaunslor berdaftar dalam memberikan perkhidmatan.



“Pada petang Selasa saya telah merasmikan Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2024 yang bertemakan ‘TEKAD EMPATI, SEJAHTERA INSANI’.

“Pelaksanaan Bulan Kaunseling Kebangsaan adalah bagi mengiktiraf peranan kaunselor berdaftar dalam memberikan perkhidmatan kaunseling profesional,” katanya menerusi hantaran di laman Facebooknya.

Beliau yang juga Ketua Wanita UMNO Malaysia turut memaklumkan bahawa sambutan tersebut juga memberi tumpuan terhadap peranan kaunselor di samping meningkatkan aksesibilitinya kepada masyarakat.

“Sambutan ini juga memberikan tumpuan kepada peranan kaunselor dalam menangani isu semasa, membudayakan perkhidmatan kaunseling, meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dan mempromosikan perkhidmatan kaunseling dan profesion kaunselor sebagai tunjang kesejahteraan masyarakat.

“Kementerian sentiasa komited dalam sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan perkhidmatan kaunseling profesional.

“Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWK, Farah Adura Hamidi, Presiden Lembaga Kaunselor Malaysia, Professor Dr Othman Datuk Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara, Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif Touch ‘n Go, Prabakaran Sangarajoo dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kaunselor, Sadli Osman,” katanya.



‘TEKAD EMPATI, SEJAHTERA INSANI’ telah dipilih sebagai tema Bulan Kaunseling Kebangsaan 2024 selaras dengan agenda nasional untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan penerapan nilai ihsan mampan, sejahtera, saling menghormati, bersikap prihatin, saling empati dan menjadi teras kesuburan kesejahteraan masyarakat Malaysia.

Pemilihan tema ini juga bertepatan dengan keprihatinan kerajaan dalam prestasi kesejahteraan masyarakat Malaysia yang kini terdedah dengan ancaman proses globalisasi seperti isu psikososial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

Majlis perasmian tersebut telah dihadiri oleh 600 peserta terdiri daripada kaunselor berdaftar, wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi serta NGO antaranya

PERKAMA International (Persatuan Kaunseling Malaysia), Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA), Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK), Persatuan Kaunselor Pendidikan MARA (PEKAMARA) dan gabungan-gabungan persatuan kaunseling yang lain. – *UMNO Online*

JKM LULUS BANTUAN BULANAN RM950 BUAT KELUARGA NUR NASUHA



Nur Nasuha (kanan depan) menjalani ujian kemasukan ke MSRM di MRSM Kuala Krai hari ini.

BACHOK: Rezeki terus menyebelahi keluarga pelajar cemerlang yang miskin, Nur Nasuha Nusi, 12, apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) meluluskan serta-merta bantuan bulanan berjumlah RM950 selama setahun kepada keluarga itu.

Bantuan bulanan itu dibuat di bawah Bantuan Kanak-kanak (BKK) iaitu RM700, selain Bantuan Am (BA) dengan kadar RM250 sebulan bermula bulan depan hingga Oktober tahun depan.

Terdahulu, keluarga Nur Nasuha menerima lawatan pegawai JKM diwakili Pembantu Kebajikan Masyarakat, Irfan Hafiz Halim hasil rujukan kes oleh pihak Pegawai Khas Exco Kebajikan Pembangunan Keluarga dan Wanita.

Bapa Nasuha, Mohd Nusi Mamat, 38, berkata pihak JKM turut menyerahkan sumbangan Tabung Bantuan Segera (TBS) sebanyak RM300 ketika lawatan itu.

Katanya, sumbangan diterima itu dijadikan bekalan untuk Nur Nasuha menduduki ujian Kecenderungan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di MRSM Kuala Krai, hari ini.

Katanya, sejak cerita mengenai Nur Nasuha tular, ramai pihak tampil membantu dan datang melawat mereka bagi menyampaikan bantuan termasuk bekalan makanan.

Ini termasuk kunjungan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jelawat, Zameri Mat Nawang yang turut menyampaikan sumbangan termasuk daripada Ahli Parlimen Bachok, Mohd Syahir Che Sulaiman dan pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Hasil siasatan JKM mendapati masalah kewangan keluarga itu disebabkan kegagalan Mohd Nusi bekerja kerana mengalami penyakit gastrik kronik.

Selain Nur Nasuha dan bapanya, rumah daif yang disewa dengan kadar RM150 sebulan itu turut didiami ibunya, Nurul Izzati Nor, 31, yang sarat mengandung tujuh

bulan dan tiga lagi anak, Nurul Natasha Balqistina, 13; Muhammad Danial Izzan, 6, dan Muhammad Danish,3.

Kisah sedih keluarga miskin itu yang terpaksa mencuci pakaian dan mandi menggunakan air telaga, terbongkar dan menjadi tular selepas Nur Nasuha gagal ke ujian memasuki MRSM bagi kelayakan ke Tingkatan Satu kerana ketiadaan wang dan pengangkutan.

TANGAN KANAK-KANAK TERSEKIT MESIN MAINAN



Pasukan bomba menjalankan operasi mengeluarkan tangan mangsa yang tersekit pada mesin permainan di Pantai Remis. Foto Ihsan JBPM Perak

LUMUT - Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun berdepan detik cemas apabila tangan kanan tersangkut pada mesin permainan di sebuah premis di Pantai Remis di sini pada Selasa.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Sabarodzi Nor Ahmad berkata, sepasukan sembilan anggota diatur gerak ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan pada jam 6.47 petang.

Mangsa hanya mengalami kecederaan ringan di tangan kanan akibat tersekit pada mesin permainan. Foto Ihsan JBPM Perak

Mangsa hanya mengalami kecederaan ringan di tangan kanan akibat tersekit pada mesin permainan. Foto Ihsan JBPM Perak

"Setiba di lokasi kejadian, pasukan mendapati tangan kanan tersekit pada lubang mesin permainan.

"Operasi mengeluarkan tangan mangsa dilakukan dengan menggunakan peralatan khas. Operasi mengambil masa sekitar 10 minit," katanya di sini.

Menurut beliau, pemeriksaan mendapati mangsa hanya mengalami kecederaan kecil di jari dan operasi tamat sepenuhnya pada jam 7.13 petang.